

Kelington Raih Kontrak Bernilai RM79 Juta

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Kelington Group Bhd meraih kontrak baharu bernilai RM79 juta bagi kerja-kerja perkhidmatan kejuruteraan yang pelbagai daripada pelanggan multinasional di Malaysia dan Singapura.

Pesanan baharu itu menjadikan jumlah kontrak yang diraih sejak awal tahun kepada RM154 juta, kata penyedia penyelesaian kejuruteraan bersepadu dalam kenyataan di sini.

Di Singapura, anak syarikat milik penuhnya, Kelington Engineering (S) Pte Ltd, memperoleh surat anugerah daripada M+W Singapore Pte Ltd untuk membekalkan dan memasang sistem pengedaran udara bersih dan gas pukul bernilai S\$14 juta (RM42 juta berdasarkan S\$3.02=RM1.00).

Sistem itu akan dipasang di kemudahan pembuatan, antara lima pengeluar semikonduktor utama dunia.

Kontrak itu disasarkan bermula pada September 2015 dan siap menjelang separuh pertama 2016, katanya.

Di Malaysia, Kelington meraih kontrak untuk melaksanakan kerja-kerja pemasangan paip mekanikal untuk syarikat farmaseutikal, B. Braun, bernilai kira-kira RM22 juta.

Kumpulan itu turut meraih kontrak untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan kejuruteraan untuk syarikat teknologi, Infineon dan Hewlett Packard, masing-masing bernilai RM5 juta dan RM10 juta.

Dengan kontrak yang dibawa ke hadapan daripada tahun sebelumnya, nilai perolehan kontrak semasa kumpulan itu berjumlah RM275 juta.

Kelington turut mengumumkan keputusan kewangannya bagi suku kedua berakhir 30 Jun, 2015.

Ia memperoleh perolehan sebanyak RM40.6 juta dan keuntungan bersih RM1.5 juta bagi suku kedua, menjadikan perolehan dan keuntungan bersih bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun, 2015, masing-masing kepada RM79.1 juta dan RM3.6 juta.

Perolehan dan keuntungan bersih bagi tempoh enam bulan, masing-masing susut 18.4 peratus dan 11.4 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas disebabkan sumbangan rendah daripada operasi kumpulan itu di Malaysia dan China.

-- BERNAMA